



**PEKELILING PEJABAT KEWANGAN DAN  
PERBENDAHARAAN NEGERI  
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS  
BILANGAN 9 TAHUN 2023**

---

**SKIM KEMUDAHAN PINJAMAN KENDERAAN  
KEPADA YANG DIPERTUA DEWAN UNDANGAN  
NEGERI, TIMBALAN YANG DIPERTUA DEWAN  
UNDANGAN NEGERI, ANGGOTA PENTADBIRAN  
DAN AHLI DEWAN UNDANGAN NEGERI,  
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS**

---

**PINDAAN TAHUN 2023**

**Skim Kemudahan Pinjaman Kenderaan Kepada  
Yang DiPertua Dewan Undangan Negeri, Timbalan Yang DiPertua Dewan  
Undangan Negeri, Anggota Pentadbiran dan Ahli Dewan Undangan Negeri,  
Negeri Sembilan Darul Khusus**

**1. Tujuan**

- 1.1 YB Setiausaha Kerajaan Negeri pada 7 Mac 2018 telah mengeluarkan Pekeliling Skim Kemudahan Pinjaman Kenderaan Kepada Yang DiPertua Dewan Undangan Negeri, Anggota Pentadbiran dan Ahli Dewan Undangan Negeri, Negeri Sembilan.
- 1.2 Pekeliling ini dikeluarkan bertujuan untuk membatalkan pekeling tersebut di atas dan menetapkan peraturan dan syarat terbaharu mengenai pinjaman kenderaan bagi Yang DiPertua Dewan Undangan Negeri, Timbalan Yang DiPertua Dewan Undangan Negeri, Anggota Pentadbiran dan Ahli Dewan Undangan Negeri, Negeri Sembilan Darul Khusus. Bagi maksud pekeling ini, kenderaan ditakrifkan sebagai kereta dan motosikal sahaja.

**2. Tafsiran**

- 2.1 Melainkan sesuatu itu terjelas maksudnya di dalam Pekeliling ini, tafsiran di bawah ini hendaklah diikuti:

**Anggota Pentadbiran** di dalam pekeling ini dimaksudkan sebagai YAB Menteri Besar dan Ahli – Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri sahaja.

**“harga belian”** bererti jumlah kos bagi kenderaan yang akan dibeli oleh Kerajaan melalui bayaran seperti berikut:

- (a) amaun pembiayaan Kerajaan yang diluluskan kepada Yang DiPertua Dewan Undangan Negeri, Timbalan Yang DiPertua Dewan Undangan Negeri, Anggota Pentadbiran dan Ahli Dewan Undangan Negeri, Negeri Sembilan Darul Khusus.
- (b) bayaran muka yang ditanggung oleh Yang DiPertua Dewan Undangan Negeri, Timbalan Yang DiPertua Dewan Undangan Negeri, Anggota Pentadbiran dan Ahli Dewan Undangan Negeri, Negeri Sembilan Darul Khusus jika harga kenderaan melebihi kelayakan.

“**amaun pembiayaan Kerajaan**” bererti jumlah pinjaman yang dibiayai oleh Kerajaan berdasarkan kepada kelayakan Yang DiPertua Dewan Undangan Negeri, Timbalan Yang DiPertua Dewan Undangan Negeri Anggota Pentadbiran dan Ahli Dewan Undangan Negeri, Negeri Sembilan Darul Khusus.

“**bayaran muka**” bererti amaun perbezaan di antara harga belian dengan amaun pembiayaan Kenderaan.

“**harga jualan**” bererti jumlah sebenar yang akan dibayar oleh Yang DiPertua Dewan Undangan Negeri, Timbalan Yang DiPertua Dewan Undangan Negeri, Anggota Pentadbiran dan Ahli Dewan Undangan Negeri, Negeri Sembilan Darul Khusus seperti berikut:

- (a) bayaran muka yang ditanggung oleh Yang DiPertua Dewan Undangan Negeri, Timbalan Yang DiPertua Dewan Undangan Negeri, Anggota Pentadbiran dan Ahli Dewan Undangan Negeri, Negeri Sembilan Darul Khusus jika harga kenderaan melebihi kelayakan; dan
- (b) amaun pembiayaan Kerajaan.

“**tugas rasmi**” bererti tugas yang berkaitan dengan tugas pejabat selain daripada menghadiri kursus-kursus dan tidak termasuk perjalanan ulang-alik ke pejabat.

“**polisi perlindungan insurans/takaful**” bererti suatu skim perlindungan insurans kenderaan yang berasaskan kepada prinsip saling jamin-menjamin yang diluluskan oleh Kerajaan.

### **3. Pembiayaan**

- 3.1 Pembiayaan pinjaman kenderaan ini adalah menggunakan peruntukan dari Kumpulan Wang Amanah Pinjaman Kenderaan Ahli Dewan Undangan Negeri di bawah kawalan Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri (PKWNS).

### **4. Kelayakan Pinjaman**

- 4.1 YAB. Menteri Besar layak memohon pinjaman bagi sebuah kenderaan sehingga maksimum sebanyak RM300,000.00 sepenggal dengan syarat telah melunaskan pinjaman terdahulu (jika ada).

- 4.2 Yang DiPertua Dewan Undangan Negeri dan YB. Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMK) layak memohon pinjaman bagi sebuah kenderaan sehingga maksimum sebanyak RM150,000.00 sepenggal dengan syarat telah melunaskan pinjaman terdahulu (jika ada).
- 4.3 Timbalan Yang DiPertua Dewan Undangan Negeri layak memohon pinjaman bagi sebuah kenderaan sehingga maksimum sebanyak RM130,000.00 sepenggal dengan syarat telah melunaskan pinjaman terdahulu (jika ada).
- 4.4 YB. Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) layak memohon pinjaman bagi sebuah kenderaan sehingga maksimum sebanyak RM100,000.00 sepenggal dengan syarat telah melunaskan pinjaman terdahulu (jika ada).
- 4.5 Tempoh bayaran balik pinjaman adalah tidak melebihi 9 tahun tanpa dikenakan faedah/caj perkhidmatan.
- 4.6 YAB. Menteri Besar/Yang DiPertua Dewan Undangan Negeri/Timbalan Yang DiPertua Dewan Undangan Negeri/YB Ahli MMK/YB ADUN layak membuat pinjaman bagi sebuah lagi kenderaan seterusnya dalam penggal yang sama dengan syarat telah melunaskan pinjaman terdahulu tidak melebihi jumlah kelayakan maksimum seperti di para 4.1/4.2/4.3/4.4 di atas.

## **5. Kuasa Meluluskan Pinjaman Kenderaan**

- 5.1 Kuasa untuk meluluskan pinjaman kenderaan kepada Yang DiPertua Dewan Undangan Negeri, Timbalan Yang DiPertua Dewan Undangan Negeri, Anggota Pentadbiran dan Ahli Dewan Undangan Negeri yang memenuhi semua syarat mengikut peraturan – peraturan yang ditetapkan dalam pekeliling ini adalah diberi kepada Pegawai Kewangan Negeri. Pegawai Kewangan Negeri kemudiannya boleh mewakili kuasa itu secara bertulis kepada pegawai kanannya.

## **6. Peraturan Permohonan Pinjaman**

- 6.1 Semua permohonan hendaklah dikemukakan dalam Borang Permohonan yang ditetapkan sebanyak empat (4) salinan bersama dengan empat (4) salinan Perjanjian yang telah dipenuhi serta bertaip. Selepas permohonan diluluskan, salinan–salinan Borang Permohonan dan Perjanjian diedarkan seperti berikut:
  - (a) Salinan asal Borang Permohonan dan salinan asal Perjanjian yang telah disetemkan secukupnya akan disimpan oleh PKWNS;

- (b) Salinan kedua borang permohonan dan perjanjian hendaklah dikembalikan bersama baucar bayaran pinjaman oleh PKWNS;
  - (c) Salinan ketiga hendaklah disimpan oleh Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan yang mengendalikan pinjaman kenderaan; dan
  - (d) Salinan keempat dikehendaki disimpan oleh peminjam.
- 6.2 Borang Permohonan Pinjaman Kenderaan dan Perjanjian adalah seperti di **Lampiran A** dan **Lampiran B**.
- 6.3 Borang Perjanjian Pinjaman Kenderaan adalah dikehendaki disetem dengan nilai duti selaras dengan Akta Setem 1949 oleh peminjam.

## **7. Syarat – syarat pinjaman**

- 7.1 Yang DiPertua Dewan Undangan Negeri, Timbalan Yang DiPertua Dewan Undangan Negeri, Anggota Pentadbiran dan Ahli Dewan Undangan Negeri yang dilantik adalah layak untuk memohon pinjaman kenderaan ini.
- 7.2 Semasa mengemukakan permohonan, semua pemohon hendaklah mempunyai lesen memandu yang sah.
- 7.3 Sebarang permohonan pertukaran jenis kenderaan yang dibeli hendaklah mendapat kelulusan terlebih dahulu daripada Pegawai Kewangan Negeri. Salinan kelulusan pertukaran jenis kenderaan hendaklah disertakan bersama.
- 7.4 Jumlah pinjaman tidak boleh melebihi harga bersih kenderaan (harga jualan kenderaan, duti eksais dan cukai jualan) dan tidak termasuk bayaran cukai jalan raya dan lain-lain bayaran tambahan yang berkenaan dengan kenderaan tersebut.
- 7.5 Jumlah pinjaman yang diluluskan hendaklah dibundarkan kepada angka ratusan ringgit yang terkurang. Contohnya bagi permohonan sebanyak RM100,950.00, pinjaman yang boleh diluluskan ialah sebanyak RM100,000.00.
- 7.6 Selagi pinjaman belum diselesaikan sepenuhnya:
- (a) Peminjam hendaklah menyertai polisi Perlindungan **Insurans/Takaful Komprehensif** bagi melindungi kenderaan itu di mana jumlah amaun perlindungannya pada tiap-tiap tahun hendaklah tidak kurang dari baki pinjaman yang masih ada; dan

- (b) Peminjam tidak boleh menjual, memindah hak milik atau menggadaikan kenderaan tersebut selagi pembayaran belum selesai.

## 8. Jumlah Pinjaman Yang Diluluskan

8.1 Kadar pinjaman yang boleh diberi dalam tempoh sepenggal adalah seperti berikut:

(a)	YAB Menteri Besar	RM300,000.00
(b)	Yang DiPertua Dewan Undangan Negeri / Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri	RM150,000.00
(c)	Timbalan Yang DiPertua Dewan Undangan Negeri	RM130,000.00
(d)	Ahli Dewan Undangan Negeri	RM100,000.00

## 9. Skim bayaran ansuran bulanan

- 9.1 Tempoh bayaran balik pinjaman adalah tidak melebihi **9 tahun tanpa dikenakan faedah/caj perkhidmatan (0%)**.
- 9.2 Yang DiPertua Dewan Undangan Negeri, Timbalan Yang DiPertua Dewan Undangan Negeri, Anggota Pentadbiran dan Ahli Dewan Undangan Negeri adalah layak membuat pinjaman bagi sebuah lagi kenderaan seterusnya **dalam penggal yang sama** dengan syarat telah melunaskan pinjaman terdahulu tidak melebihi jumlah keseluruhan kelayakan maksimum.
- 9.3 Bayaran balik pinjaman akan dibuat melalui potongan gaji bulanan peminjam.
- 9.4 Sekiranya sehingga tamat penggal, masih terdapat baki pinjaman yang belum diselesaikan, maka baki pinjaman tersebut hendaklah diselesaikan sama ada melalui potongan ganjaran atau pencen peminjam. Pegawai Kewangan Negeri berhak menentukan kaedah penyelesaian baki pinjaman bagi memastikan tiada tunggakan dan pengurusan kewangan yang cekap dan teratur.
- 9.5 Sekiranya peminjam menamatkan perkhidmatannya sebelum pinjaman dijelaskan, peminjam diberi pilihan sama ada membayar sekali gus semua baki pinjaman melalui potongan ganjaran atau potongan pencen atau mana-mana kaedah yang bersesuaian. Jika pihak Kerajaan tidak berjaya mendapatkan semula baki pinjaman tersebut, Kerajaan berhak melelong kenderaan berkenaan untuk menjelaskan jumlah baki pinjaman kenderaan dengan bayaran perkhidmatan 10% serta kos yang terlibat dan jika masih

tidak mencukupi, baki wang Kerajaan tersebut akan dipungut melalui lain-lain kaedah yang dibenarkan oleh undang-undang.

- 9.6 Jika peminjam meninggal dunia, baki pinjaman hendaklah diselesaikan oleh waris sekali gus atau mana-mana kaedah yang bersesuaian. Jika waris tidak dapat berbuat demikian, Kerajaan berhak melelong kenderaan berkenaan untuk menjelaskan jumlah baki pinjaman kenderaan dengan bayaran perkhidmatan 10% serta kos yang terlibat dan jika masih tidak mencukupi, baki wang Kerajaan tersebut akan dipungut melalui lain-lain kaedah yang dibenarkan oleh undang-undang.

## 10. Peraturan-Peraturan Dan Syarat-Syarat Pinjaman Untuk Membeli Kenderaan Yang Sudah Terpakai

- 10.1 Jika membeli kereta atau motosikal yang sudah terpakai (termasuk kenderaan '*recondition*'), syarat-syarat pinjaman adalah seperti berikut:
- (a) Pinjaman semua kenderaan terpakai (termasuk '*recondition*') hendaklah tidak melebihi harga bersih kenderaan atau maksimum kelayakannya atau nilai kenderaan tersebut yang dinilai oleh Jurutera Mekanikal (JKR Woksyop) atau Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ).
  - (b) Semua Sijil Nilai Kenderaan yang dikeluarkan oleh Jurutera Mekanikal (JKR Woksyop) atau pihak JPJ hendaklah disertakan butiran seperti berikut:
    - (i) Nama pemilik berdaftar;
    - (ii) Jenis, nombor dan kuasa kenderaan;
    - (iii) Nombor '*chasis*' dan nombor enjin;
    - (iv) Nilai kereta/motosikal; dan
    - (v) Baki tempoh kereta/motosikal tersebut berekonomi dan selamat dipakai.
  - (c) Dengan demikian, tempoh bayaran balik pinjaman kenderaan terpakai hendaklah ditentukan berdasarkan kepada baki tempoh kenderaan berekonomi dan selamat dipakai sebagaimana dinilai oleh pihak Jurutera Mekanikal (JKR Woksyop) atau JPJ.
- 10.2 Sijil Nilai asal kenderaan tersebut hendaklah disertakan dengan permohonan pinjaman kenderaan dan baucar pembayaran.
- 10.3 Kenderaan tersebut mestilah boleh dilindungi dengan polisi insurans/takaful komprehensif sehingga baki pinjaman diselesaikan. Pegawai Kewangan Negeri yang meluluskan pinjaman kenderaan

hendaklah berpuas hati bahawa kenderaan itu boleh dilindungi dengan polisi insurans/takaful komprehensif sehingga pinjaman diselesaikan.

## 11. Format Surat Kelulusan

11.1 Format Surat Kelulusan adalah seperti di **Lampiran C** selepas kelulusan kepada permohonan dibuat.

## 12. Hak milik Atas Kenderaan

12.1 Pegawai Pengawal dan peminjam adalah sama-sama bertanggungjawab untuk meminta pihak JPJ mencatatkan perkataan "**Hak Milik Dituntut Oleh Kerajaan**" di dalam Rekod Pendaftaran Kenderaan semasa pendaftaran nama peminjam sebagai pemilik berdaftar dilakukan. Catatan ini hanya boleh dibatalkan oleh pihak JPJ apabila pihak Pegawai Kewangan Negeri memberitahu secara bertulis bahawa pinjaman itu telah diselesaikan dengan sepenuhnya.

## 13. Cara – Cara Mengakaun Pinjaman

13.1 Berikut adalah peraturan-peraturan bagi menguruskan Akaun Pinjaman Kenderaan:

(a) Pinjaman yang dibayar dalam sesuatu bulan dianggap sebagai diberi pada akhir bulan tersebut dan pembayaran balik hendaklah dimulai dengan potongan dari gaji tidak lewat dari dua (2) bulan berikutnya. Sebagai contoh, bagi pinjaman yang dikeluarkan pada bulan Januari, potongan hendaklah bermula dari gaji bulan Mac. Potongan dari gaji akan dianggap sebagai dibuat dan dimasukkan semula ke dalam Kumpulan Wang Amanah Pinjaman Kenderaan Ahli Dewan Undangan Negeri pada hujung bulan dalam mana potongan ini dibuat.

(b) Bayaran balik jumlah pinjaman adalah menurut kiraan formula seperti berikut:

$$\text{Bayaran ansuran} = \frac{\text{Jumlah pinjaman (RM)}}{\text{Jumlah bulan pinjaman}}$$

(c) Semua pinjaman akan diakaunkan ke dalam Kumpulan Wang Amanah Pinjaman Kenderaan Ahli Dewan Undangan Negeri dan pembayaran balik hendaklah dikreditkan ke dalam kira-kira Kumpulan Wang yang sama.



- (d) Peminjam adalah bertanggungjawab untuk menjelaskan bayaran ansuran pinjaman jika potongan dari gaji bulanan tidak dapat dilakukan.
- 13.2 Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan hendaklah mengemukakan kepada PKWNS suatu penyata mengenai semua kes potongan ansuran kenderaan yang tertunggak selama tiga (3) bulan pada 30 Jun dan pada 31 Disember setiap tahun dalam tiga puluh hari (30) dari tarikh–tarikh tersebut.
- 13.3 Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan yang mengendalikan pinjaman kenderaan Ahli Dewan Undangan Negeri adalah bertanggungjawab untuk mengutip balik pinjaman kenderaan. Peminjam juga sama–sama bertanggungjawab untuk memastikan bayaran balik pinjamannya dilakukan menurut peraturan yang telah ditetapkan.
- 13.4 Kaedah pengakaunan pinjaman kenderaan adalah berdasarkan arahan – arahan yang berasingan yang dikeluarkan oleh Akauntan Negara Malaysia dari semasa ke semasa.

#### **14. Peraturan – Peraturan Selepas Kenderaan Dibeli**

- 14.1 Peminjam hendaklah menyerahkan resit pembelian sekaligus kenderaan, *Cover-Note/Sijil Insurans/Takaful* dan Rekod Pendaftaran Kenderaan yang dicatat “Hak Milik Dituntut Oleh Kerajaan” kepada PKWNS di dalam tempoh 30 hari selepas bayaran diterima oleh peminjam. Sekiranya peminjam gagal menyerahkan dokumen–dokumen tersebut di dalam tempoh 30 hari, maka pinjaman itu boleh dianggap sebagai terbatal.
- 14.2 Jika pinjaman kenderaan dibatalkan atas sebab–sebab selain daripada di perenggan 14.1 termasuk pembatalan pinjaman ke atas pilihan sendiri, Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan hendaklah mendapatkan baki pinjaman kenderaan yang telah diluluskan melalui kaedah potongan gaji atau ganjaran peminjam.
- 14.3 Pihak Pegawai Kewangan Negeri adalah bertanggungjawab memeriksa resit – resit pembelian, Rekod Pendaftaran Kenderaan, *Cover Note/ Sijil Insurans/Takaful* dan kenderaan yang telah dibeli oleh peminjam. Pegawai Kewangan Negeri boleh mengarahkan seorang pegawai yang lain secara bertulis untuk menjalankan kewajipan tersebut.
- 14.4 Buku Daftar Pinjaman Kenderaan mengenai semua pinjaman yang telah diluluskan hendaklah disediakan dan diselenggara dengan baik oleh Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan yang mengendalikan pinjaman kenderaan. Buku Daftar berkenaan hendaklah mengandungi maklumat–maklumat berikut:

- (a) Nama;
- (b) Nombor Kad Pengenalan;
- (c) Tarikh pinjaman diberikan;
- (d) Jumlah pinjaman;
- (e) Tarikh bayaran diterima oleh peminjam;
- (f) Nombor dan tarikh baucer pembayaran pinjaman;
- (g) Tarikh resit pembelian;
- (h) Tarikh Rekod Pendaftaran dihantar untuk dicatat “Hak Milik Dituntut Oleh Kerajaan”
- (i) Jumlah tempoh bayaran balik;
- (j) Tarikh ansuran pertama bayaran balik pinjaman dimulakan; dan
- (k) Nama syarikat insurans, nombor Sijil Insurans/Takaful, tempoh insurans diliputi bagi tiap – tiap tahun, jumlah amaun insurans/takaful dan tarikh Sijil Insurans/takaful diserahkan.

14.5 Salinan – salinan fotostat bagi resit pembelian, Rekod Pendaftaran dan Sijil Insurans/Takaful hendaklah disimpan dalam Fail Peribadi peminjam. Peminjam hendaklah mengemukakan Sijil Insurans/Takaful tiap-tiap tahun kepada Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan dan Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan hendaklah menyimpan salinan–salinan fotostat Sijil Insurans/Takaful itu tiap–tiap tahun sehingga pinjaman selesai sepenuhnya.

## **15. Kenderaan Yang Dibeli**

15.1 Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan hendaklah memastikan bahawa kenderaan yang dibeli oleh peminjam adalah dibeli terus dan tidak tertakluk kepada lain–lain urusan kewangan. Peminjam yang telah membeli kenderaan melalui institusi kewangan tidak boleh menggunakan wang pinjaman dari Kerajaan bagi menyelesaikan baki pinjamannya dengan syarikat kewangan.

15.2 Kenderaan tidak boleh didaftarkan atas nama peminjam sebelum pinjaman diluluskan.

## **16. Penalti Dan Tindakan Surcaj**

16.1 Semua syarat dan peraturan dalam Pekeliling ini hendaklah dipatuhi sepenuhnya oleh peminjam dan pegawai yang bertanggungjawab secara langsung dalam urusan pinjaman kenderaan. Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan hendaklah melaporkan dengan segera apa-apa penyelewengan atau kegagalan mematuhi peraturan-peraturan dalam Pekeliling ini kepada PKWNS.

- 16.2 Tindakan surcaj boleh diambil terhadap pegawai yang bertanggungjawab dalam urusan pinjaman berkenaan sekiranya terdapat syarat-syarat dan peraturan-peraturan dalam Pekeliling ini tidak dipatuhi.

**17. Am**

- 17.1 Dalam apa jua pun, Pegawai Kewangan Negeri berhak membuat atau mengenakan apa-apa syarat tambahan atau memberi kelonggaran/ pengecualian kepada syarat-syarat tersebut, tanpa sebarang sebab.
- 17.2 Sebarang ketentuan lain berkaitan keistimewaan yang dinyatakan di dalam pekeliling ini adalah tertakluk kepada ketetapan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Sembilan jua.

**18. Kuatkuasa**

- 18.1 Pekeliling ini berkuatkuasa dengan serta merta daripada tarikh ianya ditandatangani dan membatalkan Pekeliling Skim Kemudahan Pinjaman Kenderaan Kepada Yang DiPertua Dewan Undangan Negeri, Anggota Pentadbiran dan Ahli Dewan Undangan Negeri, Negeri Sembilan yang dikeluarkan oleh YB Setiausaha Kerajaan Negeri bertarikh 7 Mac 2018.

**“MALAYSIA MADANI”**  
**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**  
**“BERSIH.MUFAKAT.SEJAHTERA”**

Saya yang menjalankan amanah,



**(DATO' HAJI MOHD-KHIDIR BIN MAJID)**  
Pegawai Kewangan Negeri  
Negeri Sembilan Darul Khusus

☞ **September 2023**

s.k: YB. Setiausaha Kerajaan  
Negeri Sembilan Darul Khusus

**PERMOHONAN PINJAMAN UNTUK MEMBELI KENDERAAN KEPADA YANG DIPERTUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI, TIMBALAN YANG DIPERTUA DEWAN UNDANGAN  
NEGERI, ANGGOTA PENTADBIRAN DAN AHLI – AHLI DEWAN UNDANGAN NEGERI,  
NEGERI SEMBILAN  
(Diisi sebanyak 4 salinan)**

**BAHAGIAN I: (Diisi oleh Pemohon)**

1. Nama Penuh (Huruf Besar) .....
  2. Nombor Kad Pengenalan .....
  3. (i) Tarikh Lahir ..... (ii) Umur pada Tarikh Memohon .....
  4. (i) Jawatan ..... Tarikh Lantikan .....
  - (ii) Kawasan .....
  - (iii) Alamat Pejabat .....
  5. (i) Gaji Bulanan RM ..... (ii) Elaun RM .....
  6. Nombor telefon (P).....(R).....(HP).....
  7. Butir-butir kenderaan yang hendak dibeli:
    - (i) Jenis, Model dan Buatan .....
    - (ii) Sukatan Silinder/No. Chasis/No. Enjin .....
    - (iii) Harga Bersih .....
    - (iv) Baru atau Terpakai (second-hand) .....(Jika kenderaan terpakai, kembalikan Sijil Nilai)
  8. Kelayakan Pinjaman Maksimum RM .....
  9. Jumlah Pinjaman yang Diminta RM ..... (Ringgit Malaysia .....
  - .....)
  10. Tempoh Pembayaran Balik ..... Bulan.
  11. Jika pernah diberi pinjaman sebelum daripada ini, nyatakan:
    - (i) Tarikh pinjaman terakhir diberi ..... (ii) Jumlah pinjaman RM .....
    - (iii) Nombor akaun pinjaman itu .....
    - (iv) Tarikh ansuran terakhir dibayar dan jumlah .....
- Tarikh .....  
(Tandatangan Pemohon dan Cap Rasmi)

## BAHAGIAN II : (Maklumat Waris)

### NOTA PENTING

*Pihak Kerajaan boleh mendapatkan bayaran ansuran / baki pinjaman daripada waris sekiranya didapati peminjam gagal berbuat demikian seperti mana yang telah dipersetujui dan waris perlu bertanggungjawab sepenuhnya ke atas bayaran ansuran / baki pinjaman tersebut.*

1. Nama Penuh (Huruf Besar) .....
2. Nombor Kad Pengenalan .....
3. Alamat Rumah .....
4. Alamat Pejabat .....
5. Nombor telefon (P).....(R).....(HP).....

Tarikh .....  
(Tandatangan)

## BAHAGIAN III : (Diisi oleh Pegawai Yang Meluluskan Pinjaman)

Kepada	Rujukan
.....	.....
.....	.....

(a) \*Pinjaman sebanyak RM ..... diluluskan untuk selama ..... bulan. Kelulusan adalah tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan di dalam Pekeliling yang berkuatkuasa dari semasa ke semasa.

(b) \*Pinjaman tidak diluluskan.

Tarikh .....  
(Tandatangan Pegawai Yang Meluluskan)

Nama Penuh .....

Jawatan .....

\* Potong yang mana tidak berkenaan

**BAHAGIAN IV: (Diisi oleh Unit Kewangan selepas pinjaman diluluskan)**

Cek Bayaran Pinjaman diterima oleh pemohon pada .....

- (i) Nombor dan tarikh diterima oleh pemohon pada .....
- (ii) Kenderaan yang dibeli diperiksa pada .....
- (iii) Nombor Pendaftaran Kenderaan/No. Chasis/No. Enjin .....
- (iv) Tarikh buku pendaftaran dicatatkan "Hak Milik Dituntut oleh Kerajaan" oleh Jabatan Pengangkutan Jalan .....
- (v) Polisi Pelindungan Insurans/Takaful
  - (a) Bagi tempoh .....  
Hingga .....
  - (b) Nombor Polisi .....
  - (c) Jumlah Harga Perlindungan .....
  - (d) Nama Syarikat Insurans .....

1. Disahkan butir-butir di atas telah diterima sebelum 30 hari selepas cek bayaran diterima oleh peminjam, disemak dan didapati benar.
2. Salinan-salinan fotostat resit, salinan buku pendaftaran dan salinan fotostat sijil insurans disimpan dalam fail peribadi peminjam.

Tarikh .....  
(Tandatangan Ketua Jabatan)

Nama Penuh .....

Jawatan .....

**JADUAL PERTAMA**

SEKSYEN	PERKARA	BUTIRAN
1.	Butiran dan Perihal Kenderaan	No. Enjin: No. Casis: Buatan: Nama Model: Kuasa Enjin: Bahan Bakar: Kelas Kegunaan: Jenis Badan: Tahun Dibuat:
2.	Butiran Penjual/Tuan Punya Asal	Nama: No. K.P.: Alamat:
3.	Harga Belian Kenderaan	Jumlah harga belian ialah sebanyak RM ..... (Ringgit Malaysia ..... .....) iaitu terdiri daripada: (a) Amaun pembiayaan Kerajaan sebanyak RM ..... (Ringgit Malaysia ..... .....); (b) Bayaran muka sebanyak RM ..... (Ringgit Malaysia ..... .....) yang telah dijelaskan sendiri oleh Pembeli.

**JADUAL KEDUA**

SEKSYEN	PERKARA	BUTIRAN
1.	Butiran dan Perihal Kenderaan	<p>Harga Jualan ialah RM .....</p> <p>(Ringgit Malaysia .....)</p> <p>.....)</p> <p>iaitu terdiri daripada:</p> <p>(a) Bayaran muka sebanyak RM .....</p> <p>(Ringgit Malaysia .....);</p> <p>yang telah dijelaskan sendiri oleh Pembeli; dan</p> <p>(b) Amaun pembiayaan sebanyak RM .....</p> <p>(Ringgit Malaysia .....)</p>
2.	Amaun dan Tempoh Bayaran Balik Harga Jualan	<p>Harga jualan hendaklah dibayar balik secara potongan dari gaji tiap-tiap bulan sebanyak RM .....</p> <p>(Ringgit Malaysia .....)</p> <p>.....)</p> <p>bagi tempoh ..... bulan</p>



**PERJANJIAN PINJAMAN UNTUK MEMBELI KENDERAAN KEPADA  
YANG DIPERTUA DEWAN UNDANGAN NEGERI, TIMBALAN YANG DIPERTUA DEWAN  
UNDANGAN NEGERI, ANGGOTA PENTADBIRAN DAN  
AHLI – AHLI DEWAN UNDANGAN NEGERI, NEGERI SEMBILAN  
(Diisi sebanyak 4 salinan)**

PERJANJIAN dibuat pada .....haribulan .....tahun .....  
di antara ..... No. Kad Pengenalan .....  
(kemudian daripada ini disebut "Peminjam" sebagai Pihak Pertama dengan KERAJAAN NEGERI  
SEMBILAN (kemudian daripada ini disebut "Kerajaan" sebagai Pihak Kedua).

BAHAWASANYA, menurut Pekeliling Skim Kemudahan Pinjaman Kenderaan Kepada Yang DiPertua Dewan Undangan Negeri, Timbalan Yang DiPertua Dewan Undangan Negeri, Anggota Pentadbiran dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) yang berkuat kuasa, pinjaman untuk membeli terus sebuah kenderaan adalah diberi kepada Pihak Pertama mengikut syarat-syarat yang ditetapkan di dalam Pekeliling Skim Kemudahan Pinjaman Kenderaan Kepada Yang DiPertua Dewan Undangan Negeri, Timbalan Yang DiPertua Dewan Undangan Negeri, Anggota Pentadbiran dan ADUN tersebut.

OLEH YANG DEMIKIAN adalah dipersetujui seperti berikut:

1. Seperti yang dimohon oleh Peminjam, Kerajaan bersetuju meluluskan kepada Peminjam, pinjaman sebanyak RM..... untuk dibayar balik kesemua wang yang dipinjam di dalam tempoh..... bulan. Pinjaman ini adalah untuk membeli sebuah kenderaan sebagaimana yang diluluskan dalam Borang Permohonan Pinjaman Kenderaan (2023) yang berkenaan.
2. Pinjaman ini dikenakan bayaran perkhidmatan 0% seperti yang ditetapkan di dalam Enakmen, Arahan dan Pekeliling yang berkuatkuasa.
3. Peminjam dengan ini bersetuju:
  - (i) Mematuhi kepada syarat-syarat dan peraturan yang terkandung di dalam Pekeliling Skim Kemudahan Pinjaman Kenderaan Kepada Yang DiPertua Dewan Undangan Negeri, Timbalan Yang DiPertua Dewan Undangan Negeri, Anggota Pentadbiran dan ADUN, Arahan - Arahan dan peraturan lain yang berkuat kuasa;
  - (ii) Tidak akan menjual atau melepaskan dengan apa-apa cara jua kenderaan yang tersebut di atas sehingga kesemua jumlah wang yang dipinjam itu serta bayaran perkhidmatan dibayar balik melainkan terlebih dahulu mendapat kebenaran daripada Kerajaan;
  - (iii) Menjelaskan semua baki pinjaman sebelum menamatkan perkhidmatan dengan Kerajaan;
  - (iv) Mengambil polisi Perlindungan Insurans/Takaful Komprehensif bagi selama tempoh pinjaman belum diselesaikan sepenuhnya. Polisi Perlindungan Insurans Insurans/Takaful tersebut hendaklah meliputi semua jenis kemalangan, kecurian, kebakaran dan bahaya Pihak Ketiga (tidak terhad). Jumlah perlindungan insurans/takaful itu hendaklah tidak kurang daripada baki pinjaman yang masih ada;
  - (v) Sekiranya potongan ansuran tidak dilakukan daripada gaji bulanan Peminjam walau dengan apa sebab pun, Peminjam hendaklah bertanggungjawab untuk membayar sendiri kepada Kerajaan sehingga potongan ansuran dilakukan.
  - (vi) Jika Peminjam menamatkan perkhidmatannya dengan Kerajaan atau ditamatkan oleh Kerajaan sebelum pinjaman dijelaskan, Peminjam diberi pilihan sama ada membayar sekali gus semua baki pinjaman yang ada melalui potongan ganjaran, potongan pencen atau mana – mana kaedah yang bersesuaian. Jika pihak Kerajaan tidak berjaya mendapatkan semula baki pinjaman tersebut, Kerajaan berhak melelong kenderaan berkenaan untuk menjelaskan jumlah baki pinjaman kenderaan dengan bayaran perkhidmatan 10% serta kos yang terlibat dan jika masih tidak mencukupi, baki wang Kerajaan tersebut akan dipungut melalui tindakan mahkamah;
  - (vii) Jika Peminjam meninggal dunia, baki pinjaman hendaklah diselesaikan oleh waris secara sekali gus atau mana – mana cara yang bersesuaian. Jika waris Peminjam tidak dapat

berbuat demikian, Kerajaan berhak melelong kenderaan berkenaan untuk menjelaskan jumlah baki pinjaman kenderaan dengan bayaran perkhidmatan 10% serta kos yang terlibat dan jika masih tidak mencukupi, baki wang Kerajaan tersebut akan dipungut daripada waris melalui tindakan mahkamah.

(viii) Jika Peminjam gagal menjelaskan pinjamannya di dalam tempoh (3) bulan sebagaimana yang dituntut di perenggan 3 (vi) dan 3 (vii), maka adalah menjadi tanggungjawab Peminjam atau waris Peminjam berkenaan untuk menyerahkan milikan kenderaan itu kepada Kerajaan. Jika gagal, Kerajaan berhak mengambil tindakan selanjutnya di bawah Seksyen 11 dan 13, Akta Pengangkutan Jalan 1987 atau peruntukan Undang-Undang lain yang berkaitan.

4. Kerajaan berhak menarik balik pinjaman kenderaan pada bila-bila masa tanpa memberi sebarang sebab dan menuntut bayaran balik baki pinjaman dengan sekaligus.
5. Kerajaan berhak ke atas kenderaan yang diberi pinjaman di bawah Seksyen 11 (3) APJ 1981.
6. Peminjam ialah orang yang akan didaftarkan sebagai Pembeli kenderaan.
7. Pinjaman yang diluluskan tidak boleh digunakan selain daripada maksud di para 1. Jika kenderaan digunakan untuk tujuan maksud yang lain, pinjaman ini adalah terbatal dan bayaran perkhidmatan 10% setahun akan dikenakan ke atas jumlah pinjaman mulai dari tarikh kelulusan pinjaman dan dikutip secara sekaligus. Kerajaan juga berhak memotong semua baki pinjaman kenderaan yang diluluskan dengan bayaran perkhidmatan 10% setahun daripada gaji bulanan Peminjam tersebut.

DITANDATANGANI OLEH:

PEMINJAM

SAKSI

di  
hadapan

.....  
Tandatangan

.....  
Tandatangan

Nama Penuh .....

Nama Penuh .....

Nombor Kad Pengenalan .....

Nombor Kad Pengenalan .....

Jawatan .....

Jawatan .....

Alamat Penuh Tempat Kerja .....

Alamat Penuh Tempat Kerja .....

.....  
DITANDATANGANI OLEH:

KERAJAAN

SAKSI

(Sebagai Pihak Kerajaan sebagaimana  
yang tersebut di atas.)

di  
hadapan

.....  
Tandatangan

.....  
Tandatangan

Nama Penuh .....

Nama Penuh .....

Nombor Kad Pengenalan .....

Nombor Kad Pengenalan .....

Jawatan .....

Jawatan .....

Alamat Penuh Tempat Kerja .....

Alamat Penuh Tempat Kerja .....

## SURAT KELULUSAN PINJAMAN KENDERAAN

.....  
.....  
.....  
.....

Tuan,

Kelulusan Pinjaman Kenderaan

YB Dato' / YB Tuan.....

No.K/P.....

Dengan ini dimaklumkan bahawa permohonan pinjaman kenderaan tuan/puan adalah diluluskan seperti berikut:

- i. Jumlah wang yang diluluskan.....
  - ii. Tempoh bayaran balik.....
  - iii. Kereta baru/terpakai (No. Pendaftaran).....
  - iv. Jenis, model dan buatan.....
  - v. Sukatan silinder .....
2. Pinjaman kenderaan ini tidak boleh digunakan untuk tujuan maksud yang lain.
  3. Peminjam hendaklah menyerahkan resit pembelian kenderaan, Buku Pendaftaran Kenderaan yang dicop "Hak Milik Dituntut Oleh Kerajaan" dan Sijil Pelindungan Insurans/ Takaful dalam tempoh 30 hari dari tarikh cek pembayaran diterima.
  4. Ketua Jabatan atau Pegawai yang diberi kuasa hendaklah memeriksa butir-butir seperti di perenggan 3 dan kenderaan yang telah diperoleh melalui wang pinjaman tersebut.
  5. Peminjam adalah bertanggungjawab untuk menjelaskan bayaran ansuran jika potongan daripada gaji bulanan tidak dapat dilakukan.
  6. Kenderaan hendaklah dibeli terus dan tidak tertakluk kepada lain-lain urusan kewangan.
  7. Peminjam hendaklah menyertai Perlindungan Insuran/Takaful komprehensif sehingga pinjaman selesai dibayar dan amaun insurans tidak boleh kurang dari baki pinjaman.

Sekian, terima kasih.

b/p Pegawai Kewangan Negeri